

21/02/1997

Badan bantu sahkan keahlian dibentuk

KOTA BHARU, Khamis - Umno Kelantan menubuhkan jawatankuasa membabitkan semua 14 bahagiannya bagi membantu Jawatankuasa Khas di peringkat negeri untuk memproses dan mengesahkan kemasukan kira-kira 140,000 ahli bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang dibubarkan Oktober tahun lalu.

Setiap bahagian akan diwakili tiga anggota Umno, manakala tiga lagi membabitkan bekas anggota S46 bagi memastikan proses pengesahan itu dapat diselesaikan sebelum 15 Mac ini.

Timbalan Pengerusi badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata urusan memproses kemasukan ahli bekas S46 itu mesti selesai sebelum tarikh berkenaan bagi membolehkan mereka berpeluang menghadiri mesyuarat cawangan Umno, bermula 1 April.

Satu taklimat kepada seluruh jawatankuasa itu akan diadakan pada 27 Februari ini. Ibu pejabat Umno akan negeri dengan bantuan pasukan petugas khas akan membantu jawatankuasa kerja mengendalikan urusan kemasukan bekas ahli S46 itu yang sebelum ini menimbulkan masalah teknikal di peringkat ibu pejabat Umno di Kuala Lumpur.

"Semua bahagian akan diedarkan borang keahlian menyertai Umno berkenaan bersama-sama dengan slip pengesahan bagi memproses kemasukan bekas ahli S46 itu.

"Mereka memang sudah diterima secara en bloc dan hanya dalam peringkat mengesahkan kemasukan ke dalam Umno," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kemasukan Bekas ahli S46 ke dalam Umno, di ibu pejabat Umno negeri, di sini hari ini.

Pengumuman Jawatankuasa Khas itu dibuat minggu lalu selepas diputuskan di mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno dan dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, jawatankuasa di peringkat bahagian itu bagaimanapun perlu mematuhi lima perkara penting bagi meneliti proses kemasukan bekas ahli S46 itu.

Lima perkara itu ialah memastikan setiap borang diisi sendiri oleh pemohon dengan segala maklumat lengkap yang diperlukan; membantu pemohon untuk menyertai cawangan mengikut tempat pemastautin; pemohon boleh menyertai cawangan yang berdekatan dengan tempat mastautin jika tiada cawangan di tempat asal; permohonan mesti mengikut proses biasa dan memastikan yuran keahlian sudah dibayar.

Menurutnya, bagaimanapun semua yuran keahlian bekas S46 itu sudah dijelaskan kepada ibu pejabat bersama borang permohonan mereka sebelum ini, berkuatkuasa Oktober lalu, sebaik sahaja parti itu dibubarkan.

Beliau berkata, bekas ahli S46 tidak digalakkan menubuhkan cawangan baru dan menyertai cawangan sedia ada sahaja bagi memastikan Umno dan Barisan Nasional (BN) Kelantan terus utuh dan mantap.

"Soal jawatan tidak harus difikirkan kerana yang penting ialah bagaimana menguatkan Umno," katanya.

Ditanya sama ada proses pengesahan keahlian bekas S46 itu akan menyelesaikan masalah di peringkat akar umbi, Annuar berkata walaupun dalam politik masalah akan sentiasa wujud, usaha yang dilakukan itu membantu meminimumkan keadaan.

"Ini semua bergantung kepada cawangan dan bahagian untuk meminimumkan segala masalah," katanya.

Annuar juga mengumumkan pameran 50 tahun Umno dengan kerjasama akhbar The New Straits Times (NST) akan berlangsung di ruang legar sebuah

pasaraya di sini, pada 21 Mac ini.
(END)